

**MINIT MESYUARAT**  
**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM) BERSAMA**  
**BADAN PROFESIONAL DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**  
**DIALOG DESIRE BIL. 1 TAHUN 2022**

**Tarikh: 27 September 2022 (Selasa)**

**Tempat: Bilik Mesyuarat Bendahara, Aras 1, Menara Hasil, Cyberjaya**

**SENARAI KEHADIRAN LHDNM**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JABATAN</b>
1.	YBhg. Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) <b>[Pengerusi]</b>
2.	Dr. Hazlina binti Hussain	Pengarah, Jabatan Undang-Undang (JUJ)
3.	En. Ahmad Khairuddin bin Abdullah	Pengarah, Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP)
4.	En. Hishamudin bin Mohamed	Pengarah, Jabatan Khidmat Korporat (JKK)
5.	Pn. Azalina binti Hamdi	Pengarah, Jabatan Operasi Setem & CKHT (JOSC)
6.	En. Mohamad Zain bin Mohamad Said	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
7.	En. Mohamad Fauzi bin Saat	Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya
8.	Pn. Norhayati binti Mat Kassim	Pengarah Bahagian, Jabatan Operasi Cukai (JOC)
9.	En. Shaharrudy bin Othman	Pengarah Bahagian, Jabatan Dasar Percukaian (JDP)
10.	En. Chakngari @ Yusof bin Daud	Pengarah Bahagian, Jabatan Pematuhan Cukai (JPC)
11.	En. Marside @ Marsidi bin Julika @ Zelika	Pengarah Bahagian, Jabatan Pungutan Hasil (JPH)
12.	Pn. Nooriah binti Mohd Mainuri	Pengarah Bahagian, Jabatan Percukaian Antarabangsa (JPCA)

13.	En. Nor Azam bin Mohamad	Pengarah Bahagian, Jabatan Integriti Dan Pengurusan Risiko (JIPR)
14.	Pn. Rhyrita binti Sukiman	Pengarah Bahagian, Cawangan Cukai Multinasional
15.	Pn. Shifaak binti Md Amin	Pengarah Bahagian, Cawangan Pembayar Cukai Besar
16.	En. Syarein bin Abu Samah	Pengarah, Cawangan Tidak Bermastautin
17.	Pn. Nik Marzan binti Mohamad	Pengarah Seksyen, Cawangan Pembayar Cukai Besar
18.	Pn Dayangku Salawaty binti Awgku Dzulkarnain	Pengarah Seksyen, JOC
19.	Pn. Roshida binti Daud	Pengarah Seksyen, JOC
20.	Pn. Muna Liza binti Janis	Pengarah Seksyen, JPC
21.	Pn. Khairul Faizah binti. Abu Bakar	Pengarah Seksyen Pejabat Pengarah Negeri Selangor
22.	En. Norrizal bin Daldiri	Eksekutif Hasil Kanan I, JOC
23.	Pn. Suriyanti binti Esa	Eksekutif Hasil Kanan I, JOC
24.	En. Ahmad Nurul Lail bin Mohamad Salleh	Eksekutif Hasil Kanan I, JOC
25.	En. Ahmad Hafidz bin Mohamad Kassim	Eksekutif Hasil Kanan I, Jabatan Teknologi Maklumat (JTM)
26.	En. Mohd Rosli bin Ahmad Noor	Eksekutif Hasil Kanan I, JOSC
27.	En. Mohd Syazli bin Mokhtar	Eksekutif Hasil Kanan II Pegawai Khas TKPE (Operasi Percukaian)
28.	En. Mohd Zamri bin Basir	Eksekutif Hasil Kanan II, JOSC
29.	En. Noor Mohamad bin Zakariah	Penolong Eksekutif Hasil Kanan II, JOC (Urus Setia)
30.	Pn. Rosnie binti Yaacob	Penolong Eksekutif Hasil, JOC (Urus Setia)
31.	En. Jaffar bin Tukiran	Eksekutif Hasil Kanan II, JOC <b>(Setiausaha)</b>

**SENARAI KEHADIRAN BADAN PROFESIONAL DAN PENGAMAL PERCUKAIAN**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>ORGANISASI</b>
1.	En. Soh Lian Seng	CTIM
2.	En. Harvindar Singh	CTIM
3.	Pn. Agnes Wong Ling Lee	CTIM
4.	Pn. Carol Eng Hooi Ling	CTIM
5.	Pn. S Yamuna	CTIM
6.	Dr. Mohd Fairuz bin A. Razak	MATA
7.	En. Mohameed Faisal bin Syed Ibrahim	MATA
8.	En. Fan Kah Seong	MIA
9.	Pn. Rafidah binti Mohd Noor	MIA
10.	En. MB Gathani	Bekas Pegawai Hasil
11.	YBhg. Datuk Harpal	Bekas Pegawai Hasil
12.	Pn. Patricia Kam	Bekas Pegawai Hasil
13.	En. Alan Chung Ch'ung Yit	CPA Australia
14.	En. Mohd Azfar Asa'ad bin Mohd Sharawi Asa'ad Gopinath	CPA Australia
15.	Pn. Francine Maureen Roy	CPA Australia
16.	En. Tan Yu Yin	MICPA
17.	En. Woon Yoke Lee	MICPA
18.	En. Khaw Wei Seng	MICPA
19.	En. Tai Lai Kok	MICPA

## **1. PENDAHULUAN Pengerusi**

- 1.1. Pengerusi memulakan dengan ucapan salam, selamat pagi dan selamat datang kepada ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil-wakil badan profesional dan pengamal percukaian serta Pengarah-Pengarah Jabatan / Bahagian LHDNM atau wakil yang hadir ke sesi Dialog DESIRE bagi tahun 2022 setelah dua (2) tahun dialog tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka akibat pandemik COVID-19.
- 1.2. Sesi dialog ini adalah bertujuan untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM kepada pembayar cukai dan mewujudkan ekosistem percukaian yang sihat. Pengerusi mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklum balas dari badan-badan profesional dan pengamal percukaian berkaitan penambahbaikan prosedur operasi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan LHDNM.
- 1.3. Dalam mesyuarat ini, isu-isu berkaitan operasi yang dikemukakan oleh badan profesional dan pengamal percukaian ini akan disemak dan dibuat penambahbaikan bagi melancarkan lagi operasi percukaian serta meningkatkan kecekapan sistem percukaian di samping memudahkan urusan percukaian di pihak pembayar cukai dan ejen cukai.

## **2. PERBINCANGAN ISU DAN MAKLUM BALAS LHDNM**

- 2.1. **Lampiran 1** – CTIM Memorandum on Compliance & Operational Issues
- 2.2. **Lampiran 2** – MIA-MICPA Joint Letter
- 2.3. **Lampiran 3** – CTIM Further Feedback and Comments on Form e-C 2022

## **3. PERKARA BERBANGKIT**

- 3.1. **Lampiran 4** – Soalan tambahan DESIRE

#### **4. PENUTUP**

- 4.1. Pengerusi memaklumkan bahawa LHDNM sentiasa bersedia menerima cadangan dan maklum balas terutamanya daripada badan-badan profesional dan pengamal percukaian dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan LHDNM kepada pembayar cukai dan pelanggan. Malah LHDNM juga telah membuat perancangan untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan secara dalam talian bagi meningkatkan kemudahan akses secara efektif dan efisien oleh pembayar cukai dan pelanggan.
  
- 4.2. Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir atas penglibatan, input, cadangan dan maklum balas dalam dialog ini yang memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak iaitu LHDNM serta badan-badan profesional dan pengamal percukaian. Sesi dialog ditamatkan pada jam 11:30 pagi.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Dialog DESIRE LHDNM**

27 September 2022



# **MEMORANDUM ON COMPLIANCE AND OPERATIONAL ISSUES (DESIRE DIALOGUE 1/2022)**

**9 September 2022**

Prepared by:  
Compliance & Operations Working Group (COWG)  
Chartered Tax Institute of Malaysia

## Contents

No.	Compliance and Operational Issues	Page No.
1.	Withholding (WHT) Form Submission & WHT Payment of Small Value for Transactions that Recur	3
2.	Application of Tax Position	6
3.	Electronic Submission of Information Requested by HASiL during an Audit	7
4.	Submission of Form CP21/Form CP22A	8
5.	Comments on “ <i>CTIM Additional Feedback and Comments on Form e-C 2022 (2-2022)</i> ”	9
6.	Form e-C 2022 - Particulars of Holding Company and Particulars of Directors	11
7.	Submission of CP204B	13
8.	e-TT System for TT, EFT, and IBG Payment Methods	14
9.	Identifying the Right Branch for the Taxpayer	15
10.	Form C – PDF Files	16
11.	Item 10(a) of Information on Controlled Transactions	17
	Appendix 1	18

## 1. Withholding (WHT) Form Submission & WHT Payment of Small Value for Transactions that Recur

We refer to HASiL's letter addressed to the Institute dated 12 August 2022 (see Appendix 1).

### 1.1 Refer to para 2 of the letter –

2. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menimbangkan cadangan Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) bagi membenarkan penangguhan pengemukaan Borang Nyata Cukai dan juga pembayaran Cukai Pegangan bernilai kecil bagi memudah dan mengurangkan kos pematuhan. Cadangan telah dikemukakan dalam siri Mesyuarat PEMUDAH berhubung "Ease Of Paying Taxes". Sukacita dimaklumkan bahawa pengurusan LHDNM telah bersetuju dengan cadangan berkenaan dan penangguhan adalah dibenarkan bermula dari bulan Ogos 2022.

### CTIM comments:

We would like to seek confirmation on the following –

- Whether the implementation of this concession starts on 1 August 2022. Does the effective date refer to the date services are rendered (4A)/facility is used (royalty)?
- Whether it is applicable to:
  - a. WHT due in August 2022; or
  - b. Payments made to NR in August 2022

### Maklum Balas HASiL

Konsesi yang dibenarkan adalah berhubung penangguhan pengemukaan borang dan bayaran cukai pegangan bernilai kecil yang sepatutnya dibayar kepada HASiL dalam tempoh sebulan dari tarikh bayaran kepada penerima tidak bermastautin. Oleh itu, kelulusan penangguhan bermula 12 Ogos 2022 merujuk kepada transaksi bayaran kepada penerima tidak bermastautin di luar negara dari 1 Ogos 2022 yang tertakluk kepada cukai pegangan. Walau bagaimanapun, untuk manfaat pihak pembayar, **HASiL bersedia memperluaskan skop konsesi penangguhan kepada cukai pegangan yang sepatutnya dibayar dari 1 Ogos 2022 (sekiranya ada yang menangguhkan) jika memenuhi kriteria yang dinyatakan.**

**1.2 Refer to para 1 of the Rules attached to the letter –**

'Pembayar' merujuk kepada individu/badan yang bermastautin di Malaysia atau menjalankan perniagaan di Malaysia dan perlu meremitkan cukai pegangan terhadap sebarang bentuk bayaran perkhidmatan/khidmat nasihat/sewa harta mudah alih/royalti/faedah/kontrak yang dibayar kepada penerima tidak bermastautin.

Pembayar dikehendaki meremitkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) cukai pegangan (sama ada atau tidak cukai dipotong) dalam tempoh 30 hari selepas tarikh bayaran dibuat/ dikreditkan kepada penerima tidak bermastautin.

**CTIM comments:**

- The contract payments generally fall under Section 107A which is out of scope for the application of this concession as per the above, we would suggest to remove the word "kontrak".
- We refer to the word 'body of resident', there is no clarification provided on the term 'body'.

It is also noted that 'body' is mentioned in the meaning of 'body of persons', 'company', 'statutory authority', and 'trust body' in Section 2 of the ITA 1967 but it is not clear whether all or some of the aforementioned are included.

We wish to seek clarification on whether the 'body of resident' refers to an unincorporated body, it also does not refer to the incorporated company.

- We would suggest to include the above clarification in the special WHT form which will be issued by HASiL.
- We would request that Guidelines be issued together with the special WHT Form for ease of compliance.
- The statutory due date is "within one month", we would suggest to amend it from "30 days" to "one month" in the letter.

**Maklum Balas HASiL**

Perenggan berkenaan definisi 'cukai pegangan' dan 'pembayar' yang dinyatakan hanyalah suatu penjelasan ringkas berkenaan cukai pegangan secara umum dan bukannya merujuk kepada skop konsesi penangguhan yang diberi. Definisi yang sama juga dipaparkan di Portal Rasmi HASiL. Skop konsesi adalah dinyatakan pada perenggan 2 Lampiran. Bagi mengelakkan kekeliruan, LHDNM akan mengeluarkan lampiran baru.

Pindaan akan dilakukan berhubung frasa tempoh pengemukaan dari '30 hari' kepada 'dalam tempoh sebulan'.

1.3 Refer to para 3 of the Rules attached to the letter –

**3. SYARAT KELAYAKAN**

Penundaan bayaran cukai pegangan bagi bayaran royalti, faedah dan pendapatan kelas khas boleh dibenarkan berdasarkan kriteria berikut:

- a) amaun bayaran cukai pegangan adalah bernilai kecil iaitu **amaun cukai pegangan bernilai tidak melebihi RM500 bagi sesuatu transaksi**, dan
- b) tertakluk kepada pembayar yang mengetahui bahawa **bayaran cukai pegangan berkenaan akan dilakukan sebanyak lebih dari sekali** dalam tempoh lanjutan dibenarkan contohnya dalam tempoh enam bulan berkenaan.

**CTIM comments:**

We wish to seek clarification on the following –

- "sesuatu transaksi" - does it refer to each payment made to the non-resident (NR), regardless of the gross amount due for a service rendered by the NR?
- "pegangan berkenaan" - does it refer to the same class of payment made to the same NR or does it includes the same class of payment made to another NR?
- What if the taxpayer is aware there will be repeated payments of WHT that do not happen due to unforeseen circumstances? Will a penalty be imposed?
- If taxpayers have a WHT amount less than RM500 but only incurred once a year or are not sure if taxpayers will incur again during the 6 months period or not, does that mean this deferment is not applicable and taxpayers still need to submit within one month although the amount is less than RM500?

**Maklum Balas HASiL**

“Sesuatu transaksi” merujuk kepada bayaran yang dilakukan kepada penerima tidak bermastautin yang tertakluk kepada pengenaan cukai pegangan. Bagi kelayakan konsesi ianya merujuk kepada bayaran yang dilakukan kepada pihak tidak bermastautin yang akan tertakluk kepada cukai pegangan bernilai tidak melebihi RM500.

“Bayaran cukai pegangan berkenaan” merujuk kepada amaun cukai pegangan bernilai tidak melebihi RM500 yang perlu dibayar kepada HASiL tanpa mengira sama ada ianya dibayar kepada penerima yang sama ataupun penerima yang berbeza.

Jika bayaran cukai pegangan bernilai rendah hanya dilakukan sekali berbeza dengan jangkaan awal, pembayar cukai perlu memberi penjelasan dan mengemukakan rayuan agar tidak dikenakan kenaikan 10% apabila mengemukakan borang. Bagi kesalahan pertama, pembayar boleh menunjukkan bukti pembayaran cukai pegangan bernilai kecil pada masa lalu yang dilakukan lebih dari sekali dalam tempoh enam bulan sebagai bukti. Untuk penilaian pada masa hadapan, HASiL akan menjadikan rekod penangguhan yang wujud pada tempoh sebelumnya sebagai panduan penilaian rayuan.

Bagi pembayar yang tidak menjangkakan akan melakukan bayaran cukai pegangan bernilai kecil lebih dari sekali dalam tempoh enam bulan, mereka dinasihatkan untuk mengemukakan borang dan bayaran cukai pegangan dalam tempoh sebulan selepas bayaran seperti biasa bagi mengelakkan pengenaan kenaikan.

1.4 Refer to para 5 of the Rules attached to the letter –

**5. PENGEMUKAAN BORANG NYATA DAN PEMBAYARAN CUKAI PEGANGAN**

Penangguhan dibenarkan bagi pengemukaan borang nyata cukai dan bayaran cukai pegangan bagi amaun cukai pegangan bernilai kecil yang tidak melebihi RM500 daripada keperluan pengemukaan tidak lewat dari 30 hari selepas transaksi bayaran kepada pengemukaan dan pembayaran sekali dalam setiap tempoh enam bulan iaitu:

- **Pada atau sebelum 30 Jun** bagi transaksi bayaran yang dilakukan kepada penerima tidak bermastautin antara **1 Disember tahun sebelum hingga 31 Mei** tahun semasa; dan
- **Pada atau sebelum 30 Disember** bagi transaksi bayaran yang dilakukan kepada penerima tidak bermastautin antara **1 Jun hingga 30 November** tahun semasa.

LHDNM akan menyediakan borang nyata Cukai Pegangan khas iaitu Borang CP37 (Cukai pegangan Seksyen 109) dan CP37D (Cukai pegangan Seksyen 109B) bagi kegunaan pihak pembayar.

**CTIM comments:**

- We wish to highlight that it should be 31 December instead of 30 December if the statutory due date of one month is calculated from 30 November.
- The above concession for a deferral of the WHT RF submission and the remittance of WHT to HASiL aims to simplify and reduce the compliance cost relating to WHT. However, the above proposed payment cycles [i.e. two WHT payments due on 30 June and 30 December as per the two bullet points (words in bold) shown in the above print screen] may still be perceived as a relatively tedious and costly approach to taxpayers with basis period ending on a date other than 30 November and wish to defer the WHT RF submission and the remittance of WHT to HASiL. This group of taxpayers would need to keep track of WHT remitted to HASiL under the above concession to determine whether a claim for deduction of the payments made to the NRs would be disallowed pursuant to Sections 39(1)(f) and 39(1)(j) of the ITA 1967. For example, a taxpayer with a basis period ending on 31 March would have three payment cycles for WHT due for payment transactions to NRs in the basis period as illustrated in the table below:

Basis Period	1st cycle (Yr 1)	1st WHT due	2nd cycle (Y1)	2nd WHT due	1st cycle (Yr 2)	1st WHT due
01.12.2022 – 30.11.2023	01.12.2022 – 31.05.2023	30.06.2023	01.06.2023 – 30.11.2023	30.12.2023		
01.04.2023 – 31.03.2024	<b>01.04.2023</b> – 31.05.2023	30.06.2023	01.06.2023 – 30.11.2023	30.12.2023	01.12.2023 – <b>31.03.2024</b>	30.06.2024

We urge the authority to consider allowing taxpayers' qualifying RF submissions and WHT remittances to be made once in every six months of the taxpayer's basis periods. For example, a taxpayer with a basis period ending on 31 March would only have two payment

cycles for WHT due for payment transactions to NRs in the basis period as illustrated in the table below:

Basis Period	1st cycle (Yr 1)	1st WHT due	2nd cycle (Y1)	2nd WHT due
01.04.2023 – 31.03.2024	<b>01.04.2023</b> – 30.09.2023	31.10.2023	01.10.2023 – <b>31.03.2024</b>	30.04.2024

## Maklum Balas HASiL

HASiL bersetuju meminda perenggan berkenaan kepada “**Pada atau sebelum 31 Disember**” bagi memenuhi tempoh pengemukaan dalam sebulan.

HASiL menganggap konsesi penangguhan pengemukaan borang dan bayaran cukai pegangan bernilai kecil daripada “dalam tempoh sebulan bayaran dilakukan” kepada “sekali dalam tempoh enam bulan iaitu sebelum atau pada 30 Jun dan 31 Disember” sebagai wajar kerana ianya bersesuaian dengan majoriti syarikat yang mempunyai tempoh asas berakhir 31 Disember. Pertimbangan untuk membenarkan pengemukaan berdasarkan tempoh asas setiap syarikat pula akan dilakukan jika wujud keperluan/permohonan.

## 2. Application of Tax Position

Generally, HASiL will provide a tax position upon receiving an application from the taxpayer. However, members have informed the Institute that certain branches have rejected the taxpayer’s application and requested the taxpayer to provide tax payment records for verification.

The following was extracted from HASiL's reply letter:-

- Untuk maklumat terperinci bagi kedudukan cukai syarikat, mohon semak maklumat tersebut di laman sesawang yang berikut <https://ez.hasil.gov.my> (butiran ID dan password dimiliki oleh pengarah syarikat jika pengarah telah mendaftar e-Filing Organisasi).

Setelah mengakses laman sesawang tersebut, terdapat maklumat di e-lejer yang menerangkan kedudukan terkini baki cukai, samada berbaki debit atau kredit.

- Namun, jika tuan/puan tidak dapat mengakses maklumat tersebut, mohon kerjasama tuan/puan untuk **mengemukakan dokumen berikut terlebih dahulu** sebelum pihak kami dapat memberikan sebarang pengesahan urusan percukaian:

- Pihak firma / wakil cukai dikehendaki **mengemukakan penyata percukaian pembayar cukai** berdasarkan rekod firma @ wakil cukai **terlebih dahulu** untuk pengesahan di pihak LHDNM.
- Pastikan ke semua dokumen di atas **dikemukakan tanpa sebarang kata laluan @ password** dan tidak dikemukakan secara berasingan.
- Saiz dokumen** yang dikemukakan mestilah **tidak melebihi 2 MB**.

- Jawapan @ maklum balas hanya akan diberikan apabila **semua dokumen di atas telah lengkap diterima** oleh pihak kami.

**CTIM comments:**

We would appreciate that if HASiL could provide the tax position to the taxpayer instead of requesting a statement of the tax payment transaction for verification.

**Maklum Balas HASiL**

HASiL telah menyediakan kemudahan semakan penyata kedudukan cukai melalui capaian e-Lejar di Portal MyTax HASiL. Aplikasi MyTax juga boleh dimuatnaik menerusi peranti mudah alih (handphone). Pembayar cukai digalakkan untuk mengakses e-Lejar menggunakan kemudahan MyTax (ID Individu atau Organisasi) untuk menyemak kedudukan cukai terkini dengan lebih mudah. Transaksi bayaran yang dilakukan akan dikemas kini ke e-Lejar dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

Pihak HASiL juga masih di peringkat kajian dan semakan perundangan bagi membenarkan ejen cukai menyemak kedudukan cukai pelanggannya secara dalam talian.

### 3. Electronic Submission of Information Requested by HASiL during an Audit

When HASiL requests certain information from the taxpayer in order to conduct an audit, it is noted that submission of the information is preferred via e-mail, the issue that persists is HASiL officer's email account has a certain size limit (i.e., each email should not exceed 15 MB). Consequently, the information emailed to HASiL has to be emailed over in several batches (which takes up more time). Sometimes, the taxpayer has to send over a dozen emails to HASiL officer.

There are cases where the HASiL officer suggested for the information to be emailed to them using their personal email account to circumvent this email size issue. However, this method is not preferred as it is not safeguarding the confidentiality of the taxpayer's information.

Some officers suggested the use of saving the information onto a USB pen drive or alternatively sending over a hard copy of the information. While these alternatives are workable, there may be a risk of the information being lost in transit, or having to incur unnecessary time to track the package.

The use of OneDrive is a possibility, but this method is not preferred by HASiL officers due to user restriction issues or the intended users having issues accessing the shared folder in OneDrive using the HASiL email addresses.

#### **CTIM comments:**

To ease the submission of the information requested by HASiL via electronic and while ensuring that the taxpayer's information is safeguarded, we would suggest the following –

- To consider not having an email size limit so that information can be emailed to HASiL without any issue.
- Alternatively, consider the use of other types of shared drives.

#### **Maklum Balas HASiL**

HASiL di peringkat akhir pembangunan fungsi muat naik dokumen sokongan audit melalui platform MITRS yang dijangka akan boleh digunakan mulai November 2022.

Pada ketika ini, HASiL akan menggunakan platform HASiL OneDrive bagi membolehkan pembayar cukai atau ejen cukai mengemukakan dokumen yang diminta oleh pegawai audit. Pautan bagi tujuan muat naik dokumen akan diberikan oleh pegawai audit kepada pembayar cukai yang berkenaan (berdasarkan permohonan dari pembayar cukai sekiranya menghadapi kesukaran mengemukakan dokumen yang bersaiz besar).

#### **4. Submission of Form CP21/Form CP22A**

##### **Under Section 83(3) –**

a notice of cessation of employment (Form CP22A) must be submitted within 30 days before the date of cessation of employment.

##### **Under Section 83(4) –**

the employer is exempted from submitting the notice of cessation if the employee has been subject to a monthly tax deduction or the employee's remuneration is below the taxable thresholds or the employee will continue working & is not retiring from employment.

##### **Under Section 83(4) –**

For foreign leavers, where an employee is about to leave Malaysia for a period exceeding 3 months, the employer is required to furnish Form CP21 not less than 30 days before the expected date of the employee's departure.

Failure to submit the notice of cessation where applicable, would mean that the employer is liable to a fine of not less than RM200 and not more than RM20,000 or to imprisonment for a term not exceeding 6 months or to both.

##### **a) Form CP21**

Previously, in practice, HASiL was not strict with the 30 days notice period prior to the employee's departure. In recent times, HASiL has been imposing a fine for every Form CP21 which is late. The HASiL has also revisited the Forms CP21 submitted in the earlier years of assessment in order to impose fines.

##### **CTIM comments:**

We would like to request whether HASiL can consider adopting the imposition of the fine for late submission of Form CP21 for taxpayers with valid reasons. Sometimes, the employer may not be aware that the employee (expatriate) will be transferred to another location until the very last minute.

##### **Maklum Balas HASiL**

Berdasarkan kepada senario tersebut, majikan perlu mengemukakan dokumen sokongan kepada cawangan yang mengendalikan fail majikan bagi mempertimbangkan rayuan ke atas penalti yang telah dikenakan.

##### **b) Form CP22A**

Where the exemption from notification is applicable, the employer would not have submitted Form CP22A for local leaver cases. However, there are cases where the employee meets the exemption requirement at the time of cessation but subsequently decides to leave the workforce. In such cases, HASiL has imposed fines on the employer for failure to notify the HASiL.

**CTIM comments:**

We would like to request whether HASiL can consider not to impose fines as long as the employer is able to show signed confirmation from the employee that the individual intends to continue being employed. Often, an exiting employee may not be transparent with the employer.

**Maklum Balas HASiL**

Pihak HASiL bersetuju untuk majikan mengemukakan dokumen pengesahan daripada pekerja bagi pemakluman akan bekerja dengan majikan baharu sebagai dokumen pembuktian kepada LHDNM sekiranya penalti dikenakan ke atas ketidakpatuhan pengemukaan CP22A.

**5. Comments on “CTIM Additional Feedback and Comments on Form e-C 2022 (2-2022)”**

We refer to item 10 as below:

**10. Declaration Section**

*[Refer to Issue No.8 - HASiL’s Responses on CTIM Feedback and Comments on Form e-C 2022 (revised 2 August 2022)]*

**CTIM comments on HASiL’s responses dated 2 August 2022**

DECLARATION	
1	<div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="border: 1px solid black; width: 40%; height: 20px;"></div> <div style="border: 1px solid black; width: 40%; height: 20px;"></div> </div> <p style="font-size: small;">Identification / Passport No * (* Delete whichever is not relevant)</p>
<p>hereby declare that this return form ** contains information that is true, correct and complete pertaining to the income tax of this company as required under the Income Tax Act 1967.</p>	
<input type="checkbox"/> 1 = This return form is prepared based on audited financial statements under the Companies Act 2016.	<input type="checkbox"/> 3 = This return form is prepared based on the liquidator's account in accordance with the requirements under the Companies Act 2016 (if item 6 = 3).
<input type="checkbox"/> 2 = This return form is prepared based on unaudited financial statements which are exempted under the Companies Act 2016.	
Date: <input style="width: 100px;" type="text"/> (dd/mm/yyyy)	Signature: <input style="width: 150px;" type="text"/>
Designation: <input style="width: 150px;" type="text"/>	

- i. Option 2 in the declaration section of the YA 2021 Form C was worded as "This return form is prepared based on unaudited accounts." As such, where a company is unable to get its audited accounts signed by the filing due date, but still wishes to submit its tax return, the company would select "Option 2".

Option 2 is also applicable to a Permanent Establishment ("PE") which is not registered with the Companies Commission of Malaysia, which would not have audited accounts for tax purposes. These scenarios would no longer fit into any of the above options in the YA 2022 Form C.

We understand that pursuant to the law, unless an audit exemption is granted, a company must submit its tax return based on signed audited accounts. However, it is not uncommon that the audited accounts could not be ready by the filing due date, due to various reasons.

**CTIM Comments:**

In these circumstances, we would like to seek clarification, particularly:

- a) Is the company permitted to submit its tax return for YA 2022 based on draft audited accounts, without audit exemption being granted?

**Maklum balas LHDNM:**

Borang C perlu dikemukakan berdasarkan penyata kewangan yang disediakan mengikut akta penubuhannya seperti peruntukan di bawah seksyen 77A. Bagi syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016, borang C perlu dikemukakan berdasarkan akaun beraudit yang telah ditandatangani kecuali jika syarikat mendapat pengecualian di bawah akta syarikat 2016 dari mengemukakan akaun beraudit. Oleh itu, pengemukaan Borang C mestilah berdasarkan pilihan 1.

- b) If yes to Question 1, notwithstanding any penalties to be imposed, which option should the company select?

For the avoidance of doubt, we would like HASiL to consider adding a new Option 4 to cater to tax returns submitted based on draft audited accounts/management accounts (for a PE).

**Maklum balas LHDNM:**

Bagi syarikat yang ditubuhkan di bawah akta syarikat, borang C perlu dikemukakan berdasarkan akaun beraudit yang telah ditandatangani kecuali syarikat mendapat pengecualian di bawah akta syarikat 2016 dari mengemukakan akaun beraudit. Oleh itu pengemukaan Borang C mestilah berdasarkan pilihan 1.

Jika pengemukaan borang C tidak berdasarkan akaun beraudit, pengemukaan borang C tersebut adalah tidak sah.

The above response does not address the issue of a PE which is not registered with CCM. Kindly clarify.

**CTIM comments:**

In addition to the above submission for HASiL’s clarification, we would like to request HASiL to include i.e. the Labuan company incorporated under Labuan Companies Act 1990 which has elected to be taxed under ITA 1967.

**Maklum Balas HASiL**

Tiada peruntukan spesifik di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi mewajibkan pengemukaan borang nyata berdasarkan akaun beraudit bagi PE yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Walau bagaimanapun, PE boleh dikehendaki untuk menyediakan akaun beraudit berdasarkan subseksyen 82(5) Akta Cukai Pendapatan 1967 apabila tindakan audit dijalankan.


Sehubungan itu, bagi tujuan e-C 2022, PE dinasihatkan untuk memilih pilihan “2” sekiranya penyata kewangan beraudit tidak disediakan. Pilihan tambahan akan dipertimbangkan dalam reka bentuk Borang e-C 2023.


Pihak HASiL juga ambil maklum berhubung syarikat Labuan dan keperluan pindaan akan diambil kira dalam Borang C mulai tahun taksiran 2023. Pilihan pengemukaan sedia ada di Bahagian Akaun juga terpakai bagi syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Pemilihan perlu dilakukan berdasarkan akta penubuhannya.

**6. Form e-C 2022 - Particulars of Holding Company and Particulars of Directors**

When the taxpayer selects the country as “United States”, the generated PDF Form C shows it as “United States Minor Outlying Islands”.

When the taxpayer selects “United States Minor Outlying Islands”, the generated PDF Form C shows it as “United States”.





**NAME OF COMPANY : TELARIA SDN. BHD. INCOME TAX NO. : C 2445897106**

**OTHER EXPENSES**

Prospecting expenditure under Schedule 4  
 Pre-operational business expenditure under Schedule 4B  
 Permitted expenses under section 60F  
 Permitted expenses under section 60H  
**TOTAL**

**APPROVED DONATIONS / GIFTS / CONTRIBUTIONS**

Gift of money to the Government / State Government / local authority  
 Gift of money to approved institutions / organisations / funds  
 Gift of money for any sports activity approved by the Minister of Finance  
 Gift of money or cost of contribution in kind for any project of national interest approved by the Minister of Finance  
 Gift of money in the form of waqaf to any religious authority / religious body / public university or gift of money in the form of endowment to a public university  
 Gift of money for the provision of library facilities or to libraries  
 Gift of paintings to the National Art Gallery or any state art gallery  
**TOTAL**

**PARTICULARS OF HOLDING COMPANY**

F7a	Name of Ultimate Holding Company	Country	Income Tax No. (if Country = MY)
	MAGNITE CTV, INC.	United States <del>Minor Outlying Islands</del>	←
F7b	Name of Immediate Holding Company	Country	Income Tax No. (if Country Code = MY)
	MAGNITE CTV PTY LTD	Australia	

**DRAFT**

ATTACHMENT 2  
INCOME TAX NO. : C 2448297106

NAME OF COMPANY : TELARA SDN BHD

PARTICULARS OF COMPANY DIRECTOR												
